



Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld. IX

Tarikh : 16 Rabiul Akhir 1431

1 April 2010

PEKELILING BENDAHARI BIL. 10/2010

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian/Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y. Bhg Prof Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Kemudahan Pembayaran Elaun Motosikal Di Bawah Pekeling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003

Merujuk kepada perkara di atas, dengan hormatnya dimaklumkan bahawa UKM telah bersetuju supaya kadar tuntutan elaun motosikal diwujudkan dengan kadar dan syarat seperti berikut:

- (i) Pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi 12 hari atau lebih dalam sebulan boleh menuntut Elaun Motosikal sebanyak RM120.00 sebulan atau menggunakan kadar Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut mana yang lebih tinggi; dan
- (ii) Pegawai yang menggunakan motosikal sendiri semasa bertugas rasmi kurang dari 12 hari hendaklah membuat tuntutan mengikut kadar Elaun Perjalanan Kenderaan yang sedang berkuat kuasa.

2. Oleh itu, kemudahan elaun yang sedang berkuatkuasa sekarang seperti berikut adalah dibatalkan:



- 2 -

- (i) Pembantu Am Pejabat melakukan perjalanan 15 kali dan ke atas sebulan dibayar RM40.00;
 - (ii) Juruteknik Jabatan Pengurusan Pembangunan melakukan perjalanan melebihi 90km sebulan dibayar RM40.00;
 - (iii) Pengawal Keselamatan yang membuat rondaan dibayar RM40.00 sebulan.
3. Semua tuntutan perjalanan yang melebihi 12 hari hendaklah diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing dan dihantar ke Jabatan Bendahari dalam bentuk senarai nama. Bagi tuntutan perjalanan yang kurang dari 12 hari, pegawai perlu mengisi borang tuntutan belanja perjalanan dalam negeri.
4. Kemudahan ini berkuatkuasa mulai tuntutan bulan April 2010.
5. Sukacita sekiranya maklumat ini dapat disampaikan kepada semua kakitangan di bawah pengawasan Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia



Jabatan Bendahari Bursar's Department

- 3 -

s.k.:

- Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pendaftar, UKM
- Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat, UKM

IE-ri(cmar-224)